

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman
[Tanjong Manis]

SOALAN : Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman
[Tanjong Manis] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan sama ada
Kementerian dapat membantu gabungan usahawan tani dalam industri orkid di Tanjong Manis dikembangkan menjadi pelbagai industri hiliran dan bioteknologi seperti ekstrak untuk membantu ekonomi tempatan dan menjana banyak peluang pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Perusahaan tanaman orkid di Negeri Sarawak terdiri daripada beberapa pengusaha tanaman florikultur dan nurseri tempatan. Pada tahun 2013, perdagangan luar bahan tanaman, keratan bunga dan dedaun bagi negeri Sarawak menunjukkan negeri ini telah mengimport keratan bunga dan dedaun (termasuk orkid) sebanyak RM24.71 juta berbanding eksport yang hanya berjumlah RM6.0 juta. Pada tahun 2014 pula, angka import untuk bahan tanaman, keratan bunga dan dedaun berkurangan kepada RM8.85 juta dengan eksport yang turut berkurangan kepada RM4.06 juta.

Namun demikian, buat masa ini, tiada pemberian bantuan secara spesifik diberikan kepada usahawan tani dalam industri orkid di daerah Tanjong Manis, Sarawak memandangkan fokus adalah lebih kepada tanaman untuk pengeluaran agromakanan seperti tanaman sayuran, buah-buahan, padi, tanaman kontan, ternakan, perikanan darat serta industri hiliran yang berkaitan. Hal sedemikian adalah kerana industri ini dapat menjana dan meningkatkan pendapatan petani yang kebanyakannya tinggal di luar bandar termasuk di pedalaman.